

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, October 23, 2018 12:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kewangan Islam Harus Manfaatkan Kemajuan Teknologi Dan Inovasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

23 OKTOBER 2018 / 14 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KEWANGAN ISLAM HARUS MANFAATKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI DAN INOVASI



UUM ONLINE: Ledakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) membawa pelbagai masalah dan cabaran, namun pada masa yang sama turut membawa potensi yang boleh dimanfaatkan termasuk dalam sektor kewangan Islam.

Justeru, bagi memberi pencerahan mengenai kemajuan teknologi dan inovasi yang boleh dimanfaatkan dalam sektor kewangan khususnya kewangan Islam, Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) telah menganjurkan Syarahan Profesor Adjung bertemakan "Islamic Finance Technology and Innovation" yang disampaikan Profesor Adjung IBS, Datuk Prof. Dr. Mohd Daud Bakar di Dewan Seminar Pusat Islam.

Menurut beliau, dunia berhadapan dengan teknologi dan inovasi baharu yang lebih canggih daripada sistem email, faks atau internet yang sedia ada.

"IR4.0 menerusi komunikasi pintar membawa kita kepada satu aset baharu, iaitu data. Big Data, Internet of Things, Artificial Intelligence dan robotik merupakan komponen utama dalam

IR4.0. Komponen-komponen ini wajar diterapkan dalam kewangan Islam jika tidak mahu kewangan Islam ketinggalan serta menjadikan produk lebih murah, pintar, mudah dan pantas," jelasnya.

Ujar beliau yang juga Pengerusi Amanie Group dan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (BNM), evolusi teknologi dalam kewangan bermula dengan pendigitalan data pelanggan.

"Apabila sektor kewangan mentransformasi data pelanggan sama ada takaful, sukuk atau pengurusan aset kepada bentuk digital maka di situlah bermulanya teknologi dalam industri kewangan. Pendigitalan segala perkara adalah penting, kerana kita boleh meletakkan algoritma yang bertindak seperti robot kecil untuk menyemak data dengan lebih cepat, tepat dan murah untuk membantu pengurusan risiko, menyemak status muflis dan sebagainya.

"Teknologi robotik ini akan mengambil alih tenaga kerja manusia dalam IR4.0 namun manusia masih boleh melibatkan diri dengan perkembangan ini dengan mencipta algoritma untuk diprogramkan ke dalam minda robotik sesebuah sistem," katanya.

Beliau turut menyentuh perkembangan terkini teknologi-teknologi dalam industri kewangan seperti *blockchain*, *cryptocurrency*, *smart contract*, *Initial Coin Offering (ICO)* dan *fintech*.

Sementara itu menyentuh mengenai ekonomi Islam beliau meramalkan ekonomi berasaskan aset ketara akan terus mengecil pada masa hadapan dan kebanyakan perkara akan ditransformasi kepada ekonomi digital.

"Dalam hal ini kita perlu melihat kepada ekonomi digital Islam dan melihat bagaimana anda boleh menjadi pengamal ekonomi digital islam. Pada masa hadapan anda tidak lagi menjual barangan, perabot dan saham, tetapi menjual aplikasi, perkhidmatan dan platform-platform elektronik untuk membantu transaksi ekonomi di negara ini," kongsinya.

Hadir sama Dekan IBS, Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim, pensyarah dan pelajar-pelajar UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.